

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : SKIM PENSIJILAN ORGANIK MALAYSIA (MYORGANIC) DI SELANGOR**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan ladang-ladang yang diusahakan secara organik berpandukan Malaysian Standard MS 1529:2015 Plant-based organically produced foods-requirements for production, processing, handling, labelling and marketing (First Revision) di Negeri Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah yang ambil oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pengusaha menghasilkan keluaran organik yang lebih berkualiti dan selamat untuk dimakan?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai ladang myOrganic:

<b>Bil</b>	<b>No myOrganic</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Daerah</b>	<b>Tanaman</b>
1	<b>myOrganic.04.0017/B-18</b>	GK Organic Farm	Selangor	Bayam, Kangkung, Kailan, Kobis, Kacang Panjang, Timun Labu, Bendi, Terung
2	<b>myOrganic.04.0019/B-11</b>	Golden Meridian Sdn Bhd	Hulu Selangor	Durian, Mangga, Cempedak, Rambutan, Pisang, Ciku, Jambu Batu, Limau, Pulasan, Tembikai, Sawi Jepun, Kailan, Bayam, Timun, K/Pjg, Terung dan Bendi)
3	<b>myOrganic.11.0001/B-71</b>	Ligno Biotech ( Ng Szu Ting )	Hulu Langat	<i>Lignosus Rhinocerus</i> (Tiger Milk Mushroom), <i>Antrodia Camphorata</i> (Taiwan Fungus Camphorates), <i>Cordyceps Sinensis</i> (Chinese Caterpillar)

Bil	No myOrganic	Nama Syarikat	Daerah	Tanaman
				Fungus), <i>Corduceps Militaris, Pleurotus Tuber-Regium</i>
4	<b>myOrganic.11.0021/B-72</b>	Green Oasis Resources Sdn Bhd (Ladybird)	Hulu Langat	Sawi, Kailan
5	<b>myOrganic.12.0021/B-100</b>	Jaz Agro Farm	Kuala Langat	Cendawan
6	<b>myOrganic.14.0020/B231</b>	Universiti Pertanian Malaysia (UPM)	Gombak / Petaling	Misai Kuching, Hempedu Bumi, Dukung Anak
7	<b>myOrganic.16.0020/B-180</b>	Champ Fungi Sdn. Bhd.	Klang	Cendawan
8	<b>myOrganic.16.0021/B-181</b>	7 Stars Agricultural Sdn. Bhd.	Hulu Langat	Cendawan
9	<b>myOrganic.17.0016/B-226</b>	Malaysian Institute Of Sustainable Agriculture	Gombak / Petaling	Sawi, Kangkong, Bayam, Kailan, Pengaga
10	<b>myOrganic.17.0018/B-217</b>	Muhammad Jamaluddin bin Mohd Salimi	Kuala Selangor	Cendawan

b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian sentiasa menggalakkan penglibatan petani bagi mendapatkan pensijilan organic melalui skim myOrganic. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- i. Memberi bantuan bagi projek pembangunan ladang organic seperti sayur, buah dan cendawan;
- ii. Menyediakan ruang pasaran;
- iii. Membantu dari segi khidmat nasihat dan memudahkan prosedur pasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROJEK PELEBARAN JAMBATAN SUNGAI BATANG KALI  
FT001/438/10**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah JKR Selangor mempunyai maklumat mengenai pengalihan utiliti untuk Projek Pelebaran Jambatan Sungai Batang Kali FT001/438/10 selepas lawatan ICU JPM pada 30 Mei 2019? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah JKR Selangor mempunyai maklumat mengenai jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada pemilik tanah kerana projek pelebaran ini? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**JAWAPAN:**

- a) Susulan daripada lawatan ICU JPM pada 20 Mei 2019 yang lepas, pihak utiliti yang terlibat telah memberikan maklumbalas berhubung anggaran kos dan skop pengalihan. Masalah ini telah dapat diselesaikan.
- b) Pihak JKR Selangor belum mempunyai sebarang maklumat berhubung jumlah pampasan tersebut. Penilaian pampasan bagi pihak Kerajaan Negeri sedang dilaksanakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PENDAFTARAN E-KASIH DI SELANGOR**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat mengenai pendaftaran e-Kasih mengikut pecahan kaum dan daerah di Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat mengenai bilangan pegawai banciaan e-Kasih mengikut daerah? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- c) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa proses pengesahan permohonan e-Kasih adalah agak lambat?

**JAWAPAN:**

- a) Statistik e-Kasih mengikut etnik sehingga 15 Oktober 2019

<b>DAERAH</b>	<b>MELAYU</b>	<b>CINA</b>	<b>INDIA</b>	<b>LAIN-LAIN</b>	<b>JUMLAH</b>
Gombak	3,130	149	952	177	4,408
Hulu Langat	2,800	240	566	191	3,797
Hulu Selangor	2,371	227	808	74	3,480
Klang	3,833	391	1,790	219	6,233
Kuala Langat	2,393	147	532	67	3,139
Kuala Selangor	4,585	147	1,077	86	5,895
Petaling	4,387	238	1,824	253	6,702
Sabak Bernam	4,619	262	214	67	5,162
Sepang	1,015	83	469	84	1,651
<b>JUMLAH</b>	<b>29,133</b>	<b>1,884</b>	<b>8,232</b>	<b>1,218</b>	<b>40,467</b>

- b) Bilangan pembanci e-Kasih mengikut daerah Negeri Selangor sehingga 15 Oktober 2019


DAERAH	JUMLAH
Gombak	6
Hulu Langat	5
Hulu Selangor	4
Klang	5
Kuala Langat	4
Kuala Selangor	5
Petaling	6
Sabak Bernam	5
Sepang	3
Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (PPNS)	8
<b>JUMLAH</b>	<b>51</b>

28 pembanci menggunakan peruntukan ICU JPM dan 23 pembanci menggunakan peruntukan kerajaan Negeri Selangor.

- c) Proses pengesahan permohonan eKasih melibatkan proses seperti berikut:
- i. Tapisan awal pendaftaran – semakan dokumen permohonan & dokumen sokongan (maksimum 1 bulan);
  - ii. lawatan bancian verifikasi di rumah pemohon (3 bulan); dan
  - iii. kemasukan data ke dalam sistem eKasih (*data entry*) bagi yang layak mengambil masa maksimum 2 bulan untuk setiap permohonan yang lengkap.

Maklumat Tambahan : proses kerja verifikasi di **Lampiran 1**

**CARTA ALIR PENDAFTARAN eKASIH**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PEMOTONGAN METER AIR PREMIS SEKOLAH**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang bekalan air dipotong oleh Air Selangor Sdn Bhd akibat tunggakan bil air sejak 2017.
- b) Apakah SOP yang digunakan oleh Air Selangor untuk melaksanakan operasi pemotongan meter air ke atas premis sekolah?
- c) Adakah Air Selangor sedar bahawa operasi pemotongan meter air di SJKC Rasa, Hulu Selangor telah menjejaskan imej Kerajaan Negeri yang peduli rakyat?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan semakan tiada pemotongan bekalan air untuk akaun Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) pada tahun 2017 dan 2018. Hanya satu tindakan pemotongan bekalan air dilaksanakan pada 1 Oktober 2019 yang melibatkan SJKC Rasa disebabkan tiada pembayaran diterima dan jumlah akaun tertunggak telah melebihi 3 bulan.
- b) Tindakan penguatkuasaan melalui pemotongan bekalan air oleh Air Selangor diperuntukkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) di bawah Seksyen 89(2)(a) iaitu apabila Pengguna atau Penghuni tidak menjelaskan amaun bagi bil air yang telah dibekal dalam tempoh tiga puluh hari (30 hari) dari tarikh penyerahan bil.

Standard Operating procedure (SOP) yang digunakan oleh Air Selangor bagi menguatkuasakan peruntukan Akta tersebut mengkehendaki agar satu Notis Pemotongan Bekalan Air bagi tempoh 14 hari dikeluarkan kepada pengguna atau penghuni jika tidak mematuhi tempoh pembayaran yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, Air Selangor mempraktikkan untuk hanya mengeluarkan Notis Pemotongan Bekalan Air jika tunggakan (tidak termasuk bil bulan semasa) melebihi RM100 dan tertunggak untuk tempoh dua (2) bulan.

Apabila tempoh 14 hari Notis diberikan tamat dan pengguna atau penghuni masih gagal membuat pembayaran, barulah tindakan pemotongan bekalan

diambil. Bagi sebarang pemotongan bekalan air di premis kerajaan, Air Selangor menetapkan prosedur standard di mana setiap cadangan pemotongan yang hendak dilaksanakan oleh Pejabat Wilayah Air Selangor perlu mendapat kelulusan Jabatan Pengebilan Pelanggan Ibu Pejabat dan membuat rundingan terlebih dahulu dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap akaun bekalan air untuk tempoh 3 bulan berturut-turut. Aktiviti pemotongan bekalan hanya dilaksanakan jika tiada penyelesaian pembayaran dibuat.

Jabatan Perkhidmatan Pengebilan Pelanggan telah menerima permohonan bagi pelaksanaan pemotongan bekalan air di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Jalan Cemperai 2C/1, Taman Rasa Utama pada 10 September 2019. Dengan tunggakan bil air terkumpul sehingga bulan Julai 2019 berjumlah RM6,772.78. Notis Pemotongan Bekalan Air telah dihantar ke pejabat sekolah pada 1 Ogos 2019. Beberapa siri perbincangan telah diadakan namun menemui kegagalan apabila tidak mendapat komitmen dari pihak sekolah untuk membuat pembayaran.

- c) Pihak SJKC Rasa telah diberikan tempoh yang mencukupi bagi membayar tunggakan tersebut tetapi masih gagal berbuat demikian. Tindakan pemotongan bekalan adalah jalan terakhir yang terpaksa diambil bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak di mana jika tiada penyelesaian, tunggakan ini akan terus meningkat dan menyukarkan pihak sekolah untuk menjelaskan segala tunggakan tersebut. Satu perjumpaan juga telah diadakan bersama Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu dan pihak sekolah bagi menyelesaikan masalah ini. Pemotongan bekalan air telah dilaksanakan pada 1 Oktober 2019 dan penyambungan semula bekalan pada hari yang sama selepas Air Selangor menerima pembayaran dan pihak sekolah bersetuju bagi membuat pembayaran secara ansuran.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PENYELARASAN WAKTU PEMOTONGAN RUMPUT JKR DAN KDEB**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sedar waktu pemotongan rumput JKR dan KDEB yang berbeza di dalam satu kawasan yang sama telah menyebabkan orang awam meragui kecekapan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melaksanakan kerja? Jika ya, nyatakan cadangan KDEB supaya penyelarasan waktu dengan JKR boleh dilakukan.

**JAWAPAN:**

**KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD**

- a) KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) sememangnya mempunyai jadual pemotongan rumput yang sistematik. Bagi kawasan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), jadual kerja-kerja pemotongan rumput akan dikemaskini secara berkala oleh KDEBWM dan dimajukan ke MDHS untuk semakan dan pemantauan.

Kekeliruan berhubung skop dan jadual pemotongan rumput mungkin timbul kerana terdapat beberapa kawasan yang tidak termasuk di dalam inventori MDHS dan sebaliknya kawasan tersebut adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR). KDEBWM mempunyai kekerapan, jadual dan waktu pemotongan rumput yang mungkin berbeza dengan JKR dan situasi ini yang menyebabkan timbulnya kekeliruan di kalangan orang awam.

KDEBWM berpendapat bahawa isu perbezaan waktu pemotongan rumput ini boleh di atasi melalui mesyuarat koordinasi di antara MDHS dan JKR. KDEBWM merupakan kontraktor lantikan MDHS dan hanya melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput mengikut jadual yang dipersetujui oleh MDHS. JKR juga mempunyai kontraktor lantikan mereka sendiri untuk melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput yang terdapat di dalam inventori mengikut jadual mereka sendiri. Justeru, isu ini boleh di atasi sekiranya satu mesyuarat koordinasi dapat diataskan di antara MDHS, JKR, KDEBWM dan juga kontraktor lantikan JKR supaya jadual dan waktu pemotongan rumput dapat diselaraskan dan dihebahkan kepada orang ramai melalui pelbagai saluran komunikasi rasmi seperti laman web MDHS, JKR, KDEBWM dan sebagainya.

## **JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR**

- a) JKR Negeri Selangor melalui JKR Daerah Hulu Selangor sedang membuat penyelarasan bersama Majlis Daerah Hulu Selangor berhubung jadual pemotongan rumput yang berbeza. Penjadualan semula perlu dilakukan agar pemotongan rumput dilakukan mengikut jadual yang sama untuk mengatasi masalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kes-kes pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap kilang-kilang dan individu-individu di Daerah Hulu Selangor bagi tahun 2017 dan 2018 dengan terperinci.

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan mahkamah ke atas sebuah premis pembuatan aksesori dan alat ganti kenderaan Aidil Colour Sdn. Bhd. di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 manakala pada tahun 2018 pula, sebuah premis jenis industri kimia iaitu Chemkimia Sdn. Bhd. turut diambil tindakan mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENDAFTARAN E-KASIH DI SELANGOR**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pendaftaran e-Kasih di Selangor mengikut pecahan DUN?

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan pendaftaran eKasih mengikut DUN di Selangor sehingga 15 Oktober 2019.

No	DUN	Jumlah
1	Balakong	139
2	Bandar Baru Kelang	245
3	Bandar Utama	318
4	Banting	484
5	Batang Kali	1,874
6	Batu Tiga	888
7	Bukit Antarabangsa	196
8	Bukit Gasing	38
9	Bukit Lanjan	152
10	Bukit Melawati	870
11	Dengkil	1,167
12	Dusun Tua	675
13	Gombak Setia	460
14	Hulu Bernam	715
15	Hulu Kelang	210
16	Ijok	760
17	Jeram	1,131
18	Kajang	929
19	Kampung Tunku	89
20	Kinrara	384
21	Kota Anggerik	770
22	Kota Damansara	1,308
23	Kota Kemuning	631
24	Kuala Kubu Baharu	906
25	Kuang	928

<b>No</b>	<b>DUN</b>	<b>Jumlah</b>
26	Lembah Jaya	407
27	Meru	699
28	Morib	787
29	Pandamaran	186
30	Pandan Indah	169
31	Paya Jaras	668
32	Pelabuhan Klang	1,578
33	Permatang	1,234
34	Rawang	1,000
35	Sabak	1,625
36	Sekinchan	668
37	Selat Klang	764
38	Sementa	1,243
39	Semenyih	851
40	Sentosa	195
41	Seri Kembangan	141
42	Seri Serdang	435
43	Seri Setia	406
44	Sijangkang	700
45	Subang Jaya	129
46	Sungai Air Tawar	1,192
47	Sungai Burong	1,916
48	Sungai Kandis	973
49	Sungai Panjang	1,674
50	Sungai Pelek	798
51	Sungai Ramal	251
52	Sungai Tua	1,070
53	Taman Medan	793
54	Taman Templer	645
55	Tanjong Sepat	880
56	Teratai	123
<b>Jumlah</b>		<b>40,467</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENDAFTARAN TASKA DI NEGERI SELANGOR**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan taska berdaftar di Negeri Selangor mengikut DUN.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) berdaftar di Negeri Selangor berjumlah 706 buah. Pecahan mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti berikut:

**SENARAI TASKA BERDAFTAR DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT  
PECAHAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>BILANGAN TASKA BERDAFTAR</b>
1	Balakong	19
2	Bandar Baru Klang	2
3	Bandar Utama	7
4	Banting	6
5	Batang Kali	28
6	Batu Tiga	15
7	Bukit Antarabangsa	1
8	Bukit Gasing	8
9	Bukit Lanjan	19
10	Dengkil	73
11	Dusun Tua	3
12	Gombak Setia	20
13	Hulu Kelang	20
14	Ijok	17
15	Jeram	6
16	Kajang	49
17	Kampung Tunku	1
18	Kinrara	5
19	Kota Anggerik	37
20	Kota Damansara	38
21	Kota Kemuning	9
22	Kuala Kubu Baharu	1
23	Kuang	18
24	Lembah Jaya	14

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>BILANGAN TASKA BERDAFTAR</b>
25	Meru	12
26	Morib	1
27	Pandamaran	3
28	Pandan Indah	10
29	Paya Jaras	11
30	Pelabuhan Klang	9
31	Rawang	6
32	Sabak	4
33	Selat Klang	4
34	Sementa	3
35	Semenyih	24
36	Sentosa	7
37	Seri Kembangan	21
38	Seri Serdang	36
39	Seri Setia	16
40	Sijangkang	28
41	Subang Jaya	30
42	Sungai Air Tawar	1
43	Sungai Burong	1
44	Sungai Kandis	21
45	Sungai Panjang	1
46	Sungai Ramal	15
47	Taman Medan	5
48	Tanjung Sepat	1
49	Templer	16
50	Teratai	4
<b>JUMLAH</b>		<b>706</b>

*Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KES PAIP PECAH DI KAMPUNG BARU SUNGAI WAY PETALING JAYA**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kes paip pecah yang telah berlaku di Kampung Baru Sungai Way pada tahun 2019?
- b) Berapa peratus paip lama (asbestos) berbanding paip baru yang terletak di Kampung Baru Sungai Way?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod, tiada insiden paip pecah berlaku di Kampung Baru Sungai Way pada tahun 2019.
- b) Peratusan paip lama (*asbestos cement pipe*) berbanding paip baru yang berada di Kampung Baru Sungai Way adalah sebanyak 82%.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : AKTIVITI 'CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY' MBI INC**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan aktiviti-aktiviti 'corporate social responsibility' yang dilaksanakan oleh MBI Inc. dan anak-anak syarikatnya mengikut DUN sepanjang tahun 2019.
- b) Senaraikan jumlah perbelanjaan bagi setiap aktiviti.

**JAWAPAN:**

- a) Skop sumbangan adalah seperti berikut :-
  - i. Pendidikan
  - ii. Sosial dan kemasyarakatan
  - iii. Kesihatan/perubatan
  - iv. Sukan
  - v. Kebudayaan
- b) Sumbangan CSR di bawah bidang kuasa pengurusan MBI yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI adalah sebanyak RM8 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : STATUS KOLABORASI PROGRAM SMART SELANGOR DENGAN  
PIHAK SWASTA**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini selepas peringkat penghantaran 'Expression of Interest' (EOI) kepada Smart Selangor Delivery Unit pada bulan Mac 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Selepas proses *Expression of Interest* (EOI) Smart Selangor Delivery Unit pada bulan Mac 2019, pihak SSDU telah meneliti semua kertas cadangan daripada pihak yang berminat dan yang telah mengemukakan cadangan. Daripada 267 syarikat yang telah menghantar kertas cadangan tersebut, 50 syarikat telah dipelawa untuk menyertai proses *Request For Quotation* (RFQ) dan *Request For Proposal* (RFP) untuk projek-projek Smart Selangor yang dibangunkan pada tahun 2019 seperti Smart Selangor Big Data Analytics, Smart Recycling, Smart Street Lamp, Selangor Wide Area Network dan Smart Selangor Command Centre. Selebihnya akan dijemput untuk menyertai proses RFQ dan RFP yang akan dilaksanakan pada tahun 2020, tertakluk kepada kelulusan bajet dan projek yang hendak dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : NILAI HAKMILIK NO. 7210, LOT 17394, MUKIM DAMANSARA,  
DAERAH PETALING**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah harga atau nilai hakmilik No. 7210, Lot 17394, Mukim Damansara, Daerah Petaling
- atas syarat “as is where is”
  - dengan mengambilkira syarat nyata - “tanah ini perlu digunakan semata-mata untuk taman rekreasi dan bangunan yang berkaitan dengannya”
  - tanah leasehold dengan baki 68 tahun
  - memandangkan terdapatnya badan air sebanyak 29.96 acre dengan baki tanah 42.66 acre sahaja?

**JAWAPAN:**

- a) Luas keseluruhan tanah : 29.39 hektar (72.62 ekar / 293,900 meter persegi)  
Luas badan air : 8.38 ekar (20.70 ekar / 83,800 meter persegi)  
Luas tanah : 21.01 hektar (51.92 ekar / 210,100 meter persegi)

Selepas pelarasan ke atas perbandingan dilakukan bagi menentukan kadar yang munasabah untuk harta berkeajaan, didapati kadar tanah adalah **RM250.00 semeter persegi**. Kadar tanah bagi tanah badan air adalah **RM75.00 semeter persegi**.

Luas Tanah	Kadar Nilai	Nilai	Katakan
Luas Tanah : 210,100 mp	RM250.00 smp	RM52,525,000.00	RM52,500,000.00
Luas Badan Air : 83,800 mp	RM75.00 smp	RM6,285,000.00	RM6,280,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>RM58,780,000.00</b>
<b>(Ringgit Malaysia : Lima Puluh Lapan Juta Tujuh Ratus Lapan Puluh Ribu Sahaja</b>			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : TEMBOK PENGHALANG BUNYI YANG RUNTUH ANTARA USJ3A/4  
DENGAN LEBUHRAYA ELITE**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah bidang kuasa supaya pembaikan dapat dibuat untuk tembok penghalang bunyi yang runtuh antara USJ3A/4 dengan Lebuhraya ELITE?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis telah menerima makluman daripada pihak PLUS berhubung jajaran ROW di kawasan tersebut. Pihak Majlis di dalam proses siasatan serta penyediaan dokumen bagi pembaikan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah terkini yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai yang terletak di hadapan Damen, antara simpang Persiaran Kewajipan-Persiaran Subang Permai?

**JAWAPAN:**

- a) Masalah projek terbengkalai ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai dan Bangunan Bermasalah sejak tahun 2009 tetapi gagal diselesaikan kerana pemilik tidak memberi kerjasama dan gagal hadir ke mesyuarat.

Siasatan pegawai MPSJ mendapati pemilik baharu tanah tersebut adalah Standard Harvest Sdn Bhd. Sehubungan dengan itu, MPSJ telah memanggil pemilik baharu untuk hadir ke mesyuarat jawatankuasa berkaitan tetapi gagal.

Terkini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Projek Terbengkalai dan Bangunan Bermasalah Bil.3/2019 bertarikh 7 Oktober 2019, ahli-ahli mesyuarat telah mencadangkan supaya surat jemputan dihantar kepada individu ahli lembaga pengarah syarikat tersebut dan bukannya kepada syarikat.

Pihak MPSJ telah mengenalpasti ahli-ahli lembaga pengarah tersebut dan surat makluman kepada mereka telah dikeluarkan pada 18 Oktober 2019 memohon maklumat berkaitan pembangunan yang akan dilaksanakan ke atas projek terbengkalai berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PERMOHONAN PEMBATALAN PERWARTAAN SEBAHAGIAN TANAH  
RIZAB DAN PENGGANTIAN KAWASAN LAPANG**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembatalan Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. 2173) bertarikh 2 Julai 2009 yang melibatkan kawasan lapang di Lot 38163, Daerah Petaling di Jalan PJS 7/13 dan penggantian yang sama di sebahagian tanah kerajaan di PJS 9 bersebelahan Lot 64681 (PN 17395) Mukim Damansara, Daerah Petaling?

**JAWAPAN:**

- a) Pembatalan

PDT Petaling telah menerima permohonan daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi pembatalan Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. 2173) bertarikh 2 Julai 2009 di bawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara (KTN). Pembatalan ini melibatkan Lot 38163 di Jalan PJS 7/13, Bandar Sunway, Daerah Petaling seluas 8442 meter persegi bagi tujuan kawasan lapang. Pembatalan warta tersebut telah disiarkan di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor (No.3202) bertarikh 29 Ogos 2019.

Penggantian

MPSJ memutuskan untuk menggantikan tapak kawasan lapang tersebut di sebahagian tanah Kerajaan di PJS 9 bersebelahan Lot 64681, Mukim Damansara, Daerah Petaling. Penyediaan pelan susun atur bagi tapak cadangan penggantian ini sedang diproses oleh MPSJ. PDT Petaling akan merizabkan tapak tersebut di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara setelah menerima permohonan daripada MPSJ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : STATUS TANAH**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sudahkah Pengarah Tanah dan Galian Selangor mempertimbangkan rayuan pemohon untuk menukar tempoh pajakan tanah PN8623 Lot 49365 Mukim Petaling yang telah disatukan dengan PM130 Lot 37563 Mukim Damansara?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan penyatuan tanah dan melanjutkan tempoh pajakan tanah bagi hakmilik PN8623 Lot 49365 dan PM130 Lot 37563 Mukim Damansara telah pun diluluskan dan telah disahkan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 20/2018 pada 11 Julai 2018. Pemohon telah mengemukakan rayuan pengurangan premium dan rayuan tersebut telah pun diluluskan melalui pengurangan tempoh pajakan. Pembayaran premium telah dijelaskan oleh pemohon pada 17 September 2019. Namun pembayaran cukai tanah pertama masih belum dijelaskan oleh pemohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : BADAN PENGURUSAN BERSAMA FLAT (JMB)**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat banyak pangsapuri dan flat tidak mempunyai JMB atau JMB mereka kurang aktif (tidak menghantar laporan tahunan kepada COB dan tidak mengadakan AGM setiap tahun). Bolehkah Kerajaan mengemukakan jumlah pangsapuri dan flat dalam negeri dan kawasan Balakong dan di antara mereka, berapa yang mempunyai JMB didaftar di bawah COB serta berapa JMB yang kurang aktif?

**JAWAPAN:**

- a) Merujuk kepada rekod Pesuruhjaya Bangunan, setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sejumlah kawasan pangsapuri kos rendah yang mempunyai masalah pengurusan kerana JMB/ MC tiada atau tidak berfungsi mengikut kawasan PBT setakat 31 Ogos 2019 seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Nama PBT</b>	<b>Jumlah Mengikut Kawasan</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	96
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	581
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	12
4.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	102
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	102
6.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	93
7.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)	110
8.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	1
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	4
10.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	19
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	1
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,121</b>

Berikutnya adalah pecahan kawasan pangsapuri kos rendah bermasalah kerana JMB tiada atau tidak berfungsi di mukim Cheras termasuk kawasan Balakong.



<b>Nama Mukim</b>	<b>Jumlah Kawasan Kemajuan</b>	<b>Jumlah Petak</b>	<b>Jumlah Projek kawasan Balakong</b>
CHERAS	42	5,944	2

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : RANCANGAN PEMBANGUNAN BELIA**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program pembangunan belia yang berkesan yang sudah berjaya dilakukan sejak 2015?
- b) Apakah program dan perancangan pembangunan belia pada tahun hadapan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat menitik beratkan aspek pembangunan belia di Negeri Selangor memandangkan lebih lima puluh peratus (50%) populasi rakyat Selangor adalah dalam kalangan generasi muda. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Cawangan Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES), populasi belia di Selangor pada tahun 2019 ialah 4,512,300.00 orang.

Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Dasar Belia Negeri Selangor pada tahun 2014 sebagai panduan kepada Pembangunan Generasi Muda di Selangor. Melalui Dasar Belia Selangor, 10 teras telah diwujudkan iaitu Keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan, Kebudayaan dan Kesenian, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Agama dan Spiritualiti dan Pengantarabangsaan. Justeru, program-program Pembangunan Generasi Muda telah dilaksanakan berdasarkan teras-teras tersebut.

Justeru itu, hala tuju Kerajaan Negeri dalam membangunkan belia di Selangor dizahirkan dengan penubuhan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) sejak tahun 2009. PeBT bertindak sebagai ejen dan jentera pelaksana agenda Kerajaan Negeri dalam merealisasikan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda telah melaksanakan 1,524 Program Pembangunan Generasi Muda yang berkesan dan berjaya sejak dari tahun 2015 sehingga sekarang seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Program</b>	<b>Jumlah Peruntukan (RM)</b>
1.	2015	296	2,783,897.00
2.	2016	298	7,207,120.00
3.	2017	300	7,603,542.00
4.	2018	314	16,637,058.40
5.	2019 sehingga September	316	4,773,306.15
<b>Jumlah</b>		<b>1,524</b>	<b>39,004,923.55</b>

(Sumber : Seksyen Sektor, UPEN ; September 2019)

Untuk makluman, kejayaan pelaksanaan program-program ini antara lainnya adalah disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh Penggerak Belia Tempatan (PeBT) seperti berikut :-

- i. PeBT merupakan perancang program yang berkaitan belia. Sesuatu program yang dilaksanakan tanpa perancangan yang baik dan bersistem tidak akan dapat memberikan impak yang maksimum kepada Kerajaan Negeri dan komuniti belia;
  - ii. PeBT juga merupakan penyampai maklumat ataupun selaku orang tengah di antara pihak Kerajaan Negeri Selangor dan komuniti belia. PeBT mempunyai tanggungjawab yang penting dalam memastikan maklumat berkaitan kerajaan negeri sampai ke pengetahuan komuniti belia;
  - iii. Pembina jaringan antara komuniti belia dan agensi-agensi berkaitan menunjukkan PeBT berperanan dalam beberapa keadaan seperti mendapatkan peluang pendidikan dan juga pekerjaan; dan
  - iv. PeBT berperanan sebagai pembimbing dan pemupuk minat yang ada pada belia di kawasan masing-masing. Ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh PeBT selaku pembimbing dan pemupuk minat belia.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Generasi Muda sentiasa cakna terhadap pemantapan generasi muda atau belia di Negeri Selangor. Usaha pembangunan generasi muda bukanlah suatu tugas yang mudah dan ia memerlukan pendekatan khusus untuk melahirkan generasi muda yang bertanggungjawab dan menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara. Pembangunan generasi muda adalah amat penting kerana negeri

Selangor mempunyai generasi muda yang melebihi 50% daripada jumlah penduduknya.

Justeru itu, perancangan pembangunan generasi muda pada tahun hadapan akan mengambil pendekatan yang komprehensif. Antara perancangan yang dicadangkan ialah seperti berikut:-

- i. Jelajah Kemasyarakatan Gen-S
- ii. Latihan Pengukuhan Penggerak Belia Tempatan (PeBT)
- iii. Merentasi Global Gen-S
- iv. Program Sukan Belia Orang Kelainan Upaya (OKU)
- v. Pesta Sukan Gen-S
- vi. Selangor *International Cyber Games*
- vii. Selangor *Connected*
- viii. Sesi *Town Hall* Gen-S
- ix. Program Kenali Budaya & Kesenian Generasi Muda Selangor
- x. Program Pengukuhan Kemahiran TVET Gen-S
- xi. *International E-Sport Tournament*
- xii. Karnival Sukan Rakyat Generasi Muda
- xiii. Karnival Sukan Beliawanis
- xiv. Program *International Exchange*
- xv. Program Selangor *Women Wipeout Challenge*
- xvi. *Selangor Youth Roundtable*

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Program Pembangunan Generasi Muda yang telah dimanfaatkan dari tahun 2015 sehingga 2018 adalah sebagaimana butiran berikut: -

- i) Bagi tahun 2015, Program Pembangunan Generasi Muda dan Sukan telah melibatkan peruntukan sebanyak RM3,420,000.00. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan lebihan PeBT. Pecahan program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1.	Program PeBT 12 PBT x 24 Zon x RM5,000.00	1,440,000.00
2.	Program-program Belia di bawah Kerajaan Negeri sehingga Jun 2015	449,082.00
3.	<i>International Youth Conference</i>	97,650.00
4.	Himpunan Generasi Muda bersama Y.B Exco	31,460.00

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
5.	International Selangor Cyber Game	282,850.00
6.	Program ADUN Muda Selangor	50,000.00
7.	Karnival Gen-S 2.0	163,000.00
8.	<i>Grand Finale</i> Selangor Plus	149,855.00
9.	Jelajah Exco Generasi Muda	120,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,783,897.00</b>

- ii) Manakala untuk Program Pembangunan Generasi Muda pada tahun 2016 pula melibatkan peruntukan sebanyak RM7,400,000.00. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan lebihan PeBT. Pecahan program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1.	Program Insentif Perkahwinan Belia	5,000,000.00
2.	Program PeBT 12 PBT x 24 Zon x RM5,000.00	1,440,000.00
3.	Program Selangor International Cyber Games	400,000.00
4.	Program GP Larian Peringkat PBT	80,000.00
5.	Program Iftar Ramadhan Kareem Bersama Belia Mahasiswa Selangor 2016	10,000.00
6.	Program Pertandingan Futsal Orang Pekak Selangor antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Persatuan Orang Kurang Upaya (OKU) Pekak Selangor	6,000.00
7.	Program Jelajah Y.B. Exco Generasi Muda Bersama Belia Mahasiswa Selangor	67,720.00
8.	Program <i>Colour Run</i> kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Unisel	6,000.00
9.	Program Penyerahan Watikah Pelantikan Dan Kursus Asas Pebt Negeri Selangor 2016	80,400.00
10.	Karnival Sukan Pusat Latihan Gurney (GTC) 2016 antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Persatuan bagi Orang Buta Malaysia	5,000.00
11.	Liga Sukan Selangor Plus Peringkat DUN	112,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>7,207,120.00</b>

- iii) Seterusnya, Program Pembangunan Generasi Muda pada tahun 2017 telah menggunakan peruntukan sebanyak RM11,120,000.00. Pecahan program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1	Insentif Perkahwinan Belia	5,000,000.00
2	Peruntukan Program PeBT	1,440,000.00
3	Cadangan Tambahan Peruntukan Program bagi tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 X 12 PBT X 24 Zon	288,000.00
4	Pesta Sukan Gen-S Peringkat PBT RM10,000.00 x 12 PBT	120,000.00
5	Program International Selangor <i>Cyber Game</i>	200,000.00
6	Selangor <i>Youth Music Festival</i>	20,000.00
7	Bengkel Pemberdayaan NGO Belia Negeri Selangor 2017	77,450.00
8	Convention Belia (SAY)	100,000.00
9	Program Ekpedisi Berbasikal Tamdem	59,950.00
10	Grand Finale Pesta Liga Sukan Gen-S 2017	150,000.00
11	<i>Women Marathon</i>	50,000.00
12	Majlis Berbuka Puasa Generasi Muda 2017	48,142.00
13	Qiamullail Anak Muda Bersama YB EXCO	50,000.00
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>7,603,542.00</b>

- iv) Program Pembangunan Generasi Muda pada tahun 2018 pula melibatkan peruntukan sebanyak RM13,429,339.40. Pecahan program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1	Program Insentif Perkahwinan Belia	9,368,500.00
2	Peruntukan Program PeBT RM5,000.00 x 12 PBT x 24 Zon	1,440,000.00
3	Pesta Liga Sukan Gen-S Peringkat PBT RM10,000.00 x 12 PBT	240,000.00
4	Grand Finale Pesta Liga Sukan Gen-S 2018	120,000.00
5	Program Selangor <i>Cyber Games</i>	380,000.00
6	Program Diploma Belia	100,000.00
7	<i>Women Marathon</i>	30,000.00
8	Watikah Pelantikan dan Kursus Asas PeBT	98,586.00

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
9	Program Semarak Ramadhan Generasi Muda 2018	77,400.00
10	Jelajah Anti Dadah Gen-S	48,080.00
11	Hari Terbuka Unisel	30,000.00
12	Program Mega <i>Gathering</i> 125Z 3.0	68,392.40
13	<i>Program Selangor Mobile Legend Championship</i>	47,050.00
14	Program Selangor <i>International Youth and Extreme Festival</i> 2018 (SIY2018)	220,550.00
15	Program Insentif Perkahwian Belia	4,368,500.00
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>16,637,058.40</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : RANCANGAN PELANCONGAN NEGERI**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan pelancongan negeri pada tahun 2020 memandangkan tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia?

**JAWAPAN:**

- a) Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan soalan mulut No. 65 daripada Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (N14 Rawang), No. 132 daripada Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (N01 Sungai Air Tawar) dan No. 150 daripada Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (N 55 Dengkil). Seterusnya soalan bertulis No. 79 daripada Y.B. Puan Wong Siew Ki (N27 Balakong) No. 177 daripada Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (N05 Hulu Bernam) berkaitan rancangan pelancongan negeri pada tahun 2020 bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah bersedia melalui perancangan strategik promosi pelancongan bagi menyokong kempen Melawat Malaysia 2020 seperti yang berikut:

- i. Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara;
- ii. Penganjuran Program FAM Trip Yang Lebih 'Market-Focused';
- iii. Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor;
- iv. Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri; dan
- v. Memberi Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus

**PERINCIAN STRATEGI:**

1. Bagi meningkatkan penyertaan siri promosi pelancongan dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan menyertai beberapa siri promosi di luar negara seperti World Tourism Mart (WTM) London, ITB Berlin, Arabian Travel Market (ATM) Dubai, dan beberapa lagi yang akan dikenalpasti oleh pihak MOTAC.



2. Penyertaan Kerajaan Negeri di peringkat ANTARABANGSA akan lebih memberi fokus kepada strategi B2B (Business to Business) & B2C (Business to Consumer) bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke Negeri Selangor melalui pendedahan, penjualan pakej pelancongan dan kerjasama yang akan dimeterai bersama operator pelancongan di luar negara.

Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan “Sales Mission” mengikut pasaran fokus pelancongan Negeri Selangor seperti Jepun, India dan China. Program ini juga akan dipanjangkan kepada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia. Bagi pasaran DOMESTIK pula, penyertaan di dalam program expo promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri dan Skuad Kembara Sekolah akan dipergiatkan lagi.

3. Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui UPEN dan Tourism Selangor akan bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan Media Influencer serta Key Opinion Leader (KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh.
4. Bagi perancangan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor turut menyasarkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Golf Open 2020, Retromania Gathering dan Wings of KKB 2020 yang terbukti memberi impak kepada keseluruhan kedatangan pengunjung domestik dan luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan di dalam penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 & 18 Julai 2020 yang dijangka akan menarik ramai pelancong diperingkat antarabangsa dan rantau Asia Tenggara.
5. Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu dengan padu dan sistematik, Kerajaan Negeri terus meneruskan komited dan akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.

6. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti:
  - i. Pengiklanan *Billboard 'Unipole'* di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Penang, Melaka, Johor Bharu dan Perak;
  - ii. Pengiklanan *Digital Out Of Home* di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, Kota Kinabalu International Airport, Stesyen Utama ETS dan BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah serta di sepanjang Lebuhraya Persekutuan;
  - iii. Pengiklanan Digital menerusi platform KLIA TV di KLIA dan KLIA2;
  - iv. Pengiklanan di pesawat penerbangan termasuk *Aircraft Body Wrap* dan *Internal Compartment Wrap*; serta
  - v. Promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing bagi segmen pasaran luar negara.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (Return of Investment) yang tinggi dan berkesan.

7. Melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang berpotensi menarik lebih banyak pelancong berkunjung dan melawat ke Negeri Selangor. Antaranya adalah:-
  - i. Pelancongan Sukan Golf
  - ii. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan (Medical & Wellness)
  - iii. Pelancongan Cruise (Kapal Persiaran Mewah)
8. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri juga menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan golf utama negara dan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran kejohanan golf bertaraf antarabangsa.
9. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada aktiviti promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC (Malaysia Healthcare Tourism Council) dalam beberapa penganjuran

program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran expo pelancongan, FAM Trip dan Majlis Anugerah.

10. Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (Cruise Tourism) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENJIMATAN**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon data penjimatan yang berjaya dilakukan dari segi perolehan Kerajaan Negeri dari tahun 2016 sehingga 2019.

**JAWAPAN:**

- a) Pengalaman lima belanjawan yang lalu membuktikan Kerajaan Negeri mengamalkan perbelanjaan berhemah, memperkukuh budaya kerja cekap dan berintegriti dan menutup ruang pembaziran serta ketirisan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah berjaya mengurangkan belanjawan defisit kepada satu jumlah yang munasabah.

Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-off* mulai dari tahun 2015 bagi menilai semua tender dan sebut harga yang dipelawa secara terbuka. Dasar ini dirangka berteraskan konsep integriti dan nilai untuk wang (*value for money*).

Sejak tahun pelaksanaannya, sejumlah 574 projek dengan anggaran kos sebanyak RM4 bilion telah dinilai. Hasil daripada pelaksanaan kaedah ini yang dibuat secara telus dan berintegriti, maka sehingga 18 Oktober 2019, Kerajaan Negeri telah merekodkan penjimatan sebanyak RM545.4 juta.

Data penjimatan bermula tahun 2016 sehingga 18 Oktober 2019 adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>ANGGARAN JABATAN (RM)</b>	<b>NILAI PEROLEHAN (RM)</b>	<b>PENJIMATAN (RM)</b>
2016	1,227,454,314.37	1,003,288,098.55	224,166,215.82
2017	1,320,778,734.58	1,176,502,283.55	144,276,451.03
2018	476,532,222.54	410,613,905.59	65,918,316.95
*2019	245,918,985.97	210,270,990.07	30,222,924.14

\* Nota: Data sehingga 18 Oktober 2019